

Pilih jawapan yang betul bagi mengisi tempat kosong. Tarik jawapan ke garisan kosong.

riuh-rendah	mengibarkan	girang	laungan	video
persembahan	berkumpul	keramat	mengagihkan	pengorbanan

Pada 30 Ogos yang lalu, Sekolah Kebangsaan Sri Jelok telah menyambut Hari Kebangsaan. Kami telah 1. _____ di dewan dengan pakaian yang berwarna-warni.

Saya memakai baju bercorak bendera Malaysia yang dijahit oleh ibu saya sendiri. Tepat pukul 8:00 pagi, guru besar menyampaikan ucapan diikuti

2. _____ "Merdeka". Dewan 3. _____ seketika.

Selepas itu, para pengawas 4. _____ bendera Malaysia. Kami diminta menyanyikan lagu sambil 5. _____ bendera kecil tersebut. Kami menyanyi dengan penuh semangat.

Seterusnya, 6. _____ lakonan, nyanyian, seloka dan baju tercantik diadakan. Kelihatan guru serta murid 7. _____ dan terhibur. Saya sempat membaca puisi di hadapan kawan-kawan.

Kami berpeluang menonton satu 8. _____ pendek mengenai tokoh yang terlibat semasa menuntut kemerdekaan. Saya berasa kagum akan 9. _____ mereka.

Acara berakhir pada jam 12:30 tengah hari. Inilah pengalaman yang amat berharga buat saya. Tarikh 10. _____ 31 Ogos wajar dikenang dan saya bangga menjadi rakyat Malaysia.